



31 Julai 2025  
31 July 2025  
P.U. (A) 236

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN  
(PENGECUALIAN) 2025

*ROAD TRANSPORT (EXEMPTION) RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

## KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PENGECUALIAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 66(1)(x) dan 127(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengecualian) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan mana-mana pemandu suatu kenderaan motor yang terlibat dalam suatu kemalangan yang menyebabkan apa-apa kerosakan atau kecederaan kepada binatang atau yang tidak menyebabkan apa-apa kerosakan atau kecederaan kepada mana-mana orang, pemandu kenderaan motor itu sendiri, mana-mana kenderaan lain, mana-mana struktur awam, mana-mana harta awam atau mana-mana struktur atau harta mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen 52(2) Akta.

(2) Pengecualian di bawah subkaedah (1) adalah tertakluk kepada syarat bahawa—

(a) kenderaan motor yang terlibat dalam kemalangan itu adalah suatu kenderaan persendirian; dan

(b) pemandu kenderaan motor itu hendaklah melaporkan kemalangan itu dalam suatu sistem laporan dalam talian yang disediakan oleh Polis Diraja Malaysia dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik dan dalam mana-mana hal dalam tempoh dua puluh empat jam selepas berlakunya kemalangan itu.

Dibuat 30 Julai 2025  
[KP/BD/PJ/0.8 Jld.19(37); PN(PU2)460/JLD.138]

LOKE SIEW FOOK  
*Menteri Pengangkutan*

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (EXEMPTION) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 66(1)(x) and 127(1)(b) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Exemption) Rules 2025**.

(2) These Rules come into operation on 1 August 2025.

**Exemption**

2. (1) The Minister exempts any driver of a motor vehicle involved in an accident which causes any damage or injury to animal or which does not cause any damage or injury to any person, the driver of the motor vehicle himself, any other vehicle, any public structure, any public property or any structure or property of any person from the application of subsection 52(2) of the Act.

(2) The exemption under subrule (1) is subject to the conditions that—

(a) the motor vehicle involved in the accident is a private vehicle; and

(b) the driver of the motor vehicle shall report the accident in an online reporting system provided by the Royal Malaysia Police as soon as reasonably practicable and in any case within twenty-four hours of such accident.

Made 30 July 2025

[KP/BD/PJ/0.8 Jld.19(37); PN(PU2)460/JLD.138]

LOKE SIEW FOOK  
*Minister of Transport*